

INTERAKSI ILMU QIRAAT DAN ILMU FIQH: SATU PENELITIAN AWAL

THE INTERACTION BETWEEN QIRAAT KNOWLEDGE AND FIQH KNOWLEDGE: A PRELIMINARY STUDY

Muhammad Zaid Shamsul Kamar*

Universiti Islam Selangor (UIS), Persiaran Seri Putra,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Mohamad Redha Mohamad

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban,
70300 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.

Muhammad Syafee Salihin Hasan

Universiti Islam Selangor (UIS), Persiaran Seri Putra,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Muhammad Firdaus Abdul Manaf

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia.

**Corresponding Author's Email: muhammadzaid@uis.edu.my*

Article History:

Received : 19 March 2025

Accepted : 10 April 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Shamsul Kamar, M. Z., Mohamad, M. R., Hasan, M. S. S. & Abdul Manaf, M. F. (2025). Interaksi Ilmu Qiraat dan Ilmu Fiqh: Satu Penelitian Awal. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 139-145.

ABSTRAK

Ilmu qiraat adalah ilmu yang semakin masyhur dan diminati khususnya di Malaysia. Ilmu qiraat penting dalam pengajian Islam kerana disiplin ilmu ini berkait rapat dengan disiplin ilmu yang lain termasuk ilmu fiqh. Penulisan ini bertujuan menunjukkan fungsi ilmu qiraat dalam mempengaruhi para fuqaha untuk mengeluarkan hukum fiqh bagi kegunaan masyarakat. Turut dibincangkan adalah definisi qiraat dan fiqh, kepentingan mempelajari ilmu qiraat, ilmu qiraat sumber ilmu pengajian islam, pengaruh ilmu qiraat terhadap hukum fiqh serta peranan qiraat

meluaskan pemahaman ayat-ayat fiqh. Penulisan ini bersifat kualitatif dan persejaraan serta pengkajian dokumentasi. Hasil kajian untuk menjelaskan berkenaan interaksi ilmu qiraat terhadap penghasilan hukum fiqh. Oleh itu, kajian terhadap ilmu qiraat dan interaksinya pada hukum fiqh seharusnya dikembangkan dan ditambahbaik untuk memastikan kesinambungan dan kelestarian ilmu khususnya berkaitan ilmu qiraat sentiasa terpelihara.

Kata kunci: qiraat, fiqh, hukum fiqh, pengajian Islam, masyarakat

ABSTRACT

The science of Qira'at is becoming increasingly well-known and sought after, particularly in Malaysia. It is an essential discipline in Islamic studies, as it closely relates to other fields of knowledge, including fiqh. This paper aims to highlight the role of Qira'at in influencing jurists (fuqaha) in formulating fiqh rulings for societal use. The discussion also covers the definitions of Qira'at and fiqh, the importance of studying Qira'at, its position as a source of Islamic knowledge, its influence on fiqh rulings, and its role in expanding the understanding of fiqh-related verses. This study adopts a qualitative and historical approach, relying on document analysis. The findings clarify the interaction between Qira'at and the formulation of fiqh rulings. Therefore, research on Qira'at and its interaction with fiqh should be further developed and enhanced to ensure the continuity and sustainability of this discipline, particularly in preserving the knowledge of Qira'at.

Keywords: qira'at, fiqh, fiqh rulings, Islamic studies, society

1.0 PENGENALAN

Al-Quran adalah wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibrail AS sebagai panduan utama manusia untuk hidup di muka bumi ini. Kitab al-Quran adalah kitab samawi yang keempat yang diturunkan dan dijamin terpelihara oleh Allah SWT seperti di dalam Surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: *Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.* (Surah al-Hijr: 9)

Terdapat pelbagai perbincangan dan pencarian di dalam al-Quran yang berkait dengan pelbagai disiplin ilmu termasuk ilmu qiraat. Perbincangan berkenaan ilmu qiraat sering mendapat tempat dalam komuniti para ulama, ilmuan, sarjana, pengkaji dan para penuntut ilmu. Ilmuan yang berinteraksi dengan disiplin ilmu qiraat ini dilihat sentiasa membincangkan akan kepentingan, peranan dan kesan kepelbagaian khilaf qiraat terhadap ayat-ayat al-Quran. Para fuqaha juga dilihat kerap kali

membicarakan peranan ilmu qiraat menurut kepakaran masing-masing khususnya bagi mendapatkan hukum yang tepat dalam sesetengah isu.

Justeru, penulisan ini akan membincangkan berkenaan pengaruh ilmu qiraat sebagai metod utama dalam menentukan hukum fiqh dalam kalangan ulama mazhab. Perbincangan ilmiah ini akan cuba membahaskan beberapa aspek yang dilihat menjadi rujukan utama yang mempengaruhi implikasi terhadap perubahan sesuatu hukum.

2.0 DEFINISI QIRAAT

Secara etimologi qiraat adalah dari isim masdar dari perkataan قَرَأَ - يَقْرَأُ - قِرَاءَةً yang membawa maksud baca atau membaca. Menurut Sheikh al-Dimyathy (T.t.), definisi qiraat ialah ilmu bagaimana menyebut kalimah al-Quran dan kekhilafannya yang diambil atau disandarkan dari guru. Selain itu, terdapat juga ilmuan Islam yang mengemukakan definisi Qiraat secara terminologi. Antaranya al-Zarqani dalam kitab Manahil al-'Urfan fi 'Ulum al-Qur'an sebagaimana yang dinukilkan oleh Hasanuddin (1995) mengatakan bahawa qiraat ialah perbezaan lafaz-lafaz al-Quran yang berkaitan dengan penyebutan huruf atau tatacara pengucapan huruf-huruf tersebut.

Menurut Imam Syihabuddin al-Qastalani (2014) dalam kitabnya Lataif al-Isyarat fi Funun al-Qiraat, menjelaskan bahawa Qiraat adalah suatu ilmu untuk mengetahui perbezaan serta kesepakatan ulama Qiraat berkaitan tatacara pengucapan atau pembacaan atau sebutan lafaz al-Quran yang merangkumi aspek lughah, i'rab, hazf, ithbat, fashl, washl yang diperolehi dengan cara periwayatan. Ali al-Sabuni (1991) pula menyatakan di dalam kitabnya al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an, Qiraat merupakan satu aliran dalam mengucapkan al-Quran yang dipakai oleh salah satu imam qurra' yang berbeza dengan lainnya dalam hal ucapan berdasarkan sanad-sanad sehinggalah sampai kepada Rasulullah SAW. Muhammad Zaid et.al (2020) menyatakan bahawa Qiraat adalah satu kalimah dari bahasa Arab yang merujuk kepada kaedah pembacaan al-Quran yang mempunyai perbezaan yang mana pembacaan tersebut diriwayatkan daripada periwayat-periwayat Qiraat.

Dapat disimpulkan bahawa qiraat adalah suatu ilmu yang membahaskan berkenaan perbezaan tatacara pengucapan lafaz-lafaz, kaedah dan periwayatan al-Quran yang disandarkan kepada tujuh atau sepuluh imam qurra' sebagai suatu mazhab yang berbeza-beza setiap satu dengan yang lainnya.

3.0 DEFINISI FIQH

Fiqh dari aspek bahasa adalah dari kata nama terbitan yang berasal dari kata dasar fi' il madi (kata kerja lepas) iaitu (فقه, يفقه, فقها) yang membawa maksud mengerti, mengetahui, memahami dan menuntut ilmu (Al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi 2003). Menurut Mustafa al-Bugha et.al (2005), fiqh bererti faham (al-fahm). Menurut Said Ibrahim (2000) dan Nazir Kadir dan Khalim Kasmuri (2019), fiqh dari sudut istilah ialah mengetahui hukum-hukum syarak yang tertakluk kepada perbuatan dan perkataan orang mukallaf yang terdapat padanya dalil tafsil (dalil dari nas al-Quran,

hadis, ijma dan qiyas). Selain itu, al-Zuhayliy (1997) pula menyatakan bahawa fiqh adalah pengetahuan tentang hukum amali yang dirumuskan dari dalil yang terperinci di dalam al-Quran dan sunnah.

Selain itu, fiqh juga membawa maksud kefahaman berkenaan sesuatu perkara. Sebahagian ulama menyatakan bahawa kefahaman tersebut merujuk kepada suatu perkara yang sukar. Pada awal kedatangan Islam, fiqh sinonim dengan maksud agama atau hukum-hakam yang terkandung di dalam al-Quran dan hadis. Setelah beberapa ketika, konsep itu berbeza mengikut evolusi tempat dan zaman yang akhirnya membawa maksud fiqh adalah kefahaman tentang agama Islam (Hapiz, 2019).

4.0 KEPENTINGAN MEMPELAJARI ILMU QIRAAT

Setiap disiplin ilmu pasti mempunyai kepentingan untuk mempelajarinya. Ilmu qiraat turut mempunyai kepentingannya yang tersendiri dan mesti dipelajari. Menurut A'tarahim (2016) antara kepentingan mempelajari ilmu qiraat ialah sebagai satu rukhsah dari Allah SWT. Untuk memudahkan umat Islam membaca al-Quran mengikut qiraat yang mudah bagi mereka.

Dalil utama terhadap kebenaran dan keimanan terhadap Baginda SAW sebagai Rasulullah. Khilaf di dalam al-Quran tidak bertentangan antara khilaf yang lain bahkan membantu untuk kefahaman yang lebih kukuh sekali gus menjelaskan bahawa al-Quran pasti tidak mungkin ditulis oleh manusia. Menjadi hujah dari segi aspek bahasa serta syarah kepada ilmu penafsiran. Perbezaan bacaan pada satu-satu kalimah menzahirkan hasil hukum yang berbeza seterusnya boleh diaplikasikan oleh masyarakat Islam mengikut kepada pegangan mazhab masing-masing disebabkan para fuqaha mengistinbat hukum serta berijtihad dan berhujah berlandaskan kepada qiraat yang mutawattir.

Bukti bahawa al-Quran sangat terpelihara serta terjaga dari sebarang perubahan walaupun terdapat pendapat atau tuduhan yang bersifat negatif terhadap kebenaran al-Quran. Pendapat-pendapat tersebut diusulkan oleh para orientalis yang mahu mencabar dan menjatuhkan umat Islam. Selain itu, menjadi bukti keindahan al-Quran iaitu di mana perkara ini disebabkan setiap khilaf qiraat yang cenderung kepada khilaf fiqhiyyah mengandungi hukum syara yang dikembangkan oleh para fuqaha. Secara tidak langsung membantu muafassirin memahami serta memuatkan nas-nas bersifat *Qat'i* di dalam penulisan mereka.

5.0 ILMU QIRAAT SUMBER ILMU PENGAJIAN ISLAM

Perbincangan khilaf qiraat tidak tertumpu pada ulama bahasa atau ahli dalam bidang bahasa, nahu dan saraf sahaja, bahkan ilmu qiraat turut mempengaruhi pengeluaran hukum fiqh pada hari ini (Al-Hamdani, 2015). Setiap khilaf qiraat yang dibaca membawa makna yang tersendiri untuk ditafsirkan ayat al-Quran dalam mengeluarkan hukum-hukum fiqh.

Khilaf yang berlaku pada qiraat adalah kesinambungan dari pengambilan al-Quran atau *Sab'at al-Ahruf*. Antara faktor utama isu khilaf qiraat adalah pada awal pengambilan al-Quran di mana Nabi Muhammad SAW menerima al-Quran dari Malaikat Jibrail AS dalam lafaz yang pelbagai. Kemudian para sahabat RA

mengambil bacaan secara bertalaqqi musyafahah dengan Baginda SAW dengan periwayatan yang berbeza-beza antara mereka.

Selain itu, antara faktor khilaf yang berlaku pada fiqh adalah perbezaan antara qiraat dan al-Quran. Kemungkinan sesetengah dalil tidak sampai kepada mujtahidin, perbezaan para mujtahid dalam memahami konteks nas al-Quran, perbezaan dalam penilaian dan penerimaan sesebuah hadis dan perbezaan pandangan dalam menerima penggubalan satu-satu hukum atau rujukan (Abdul Muiz, T.t.). Terdapat sebahagian para ulama menyatakan bahawa khilaf berlaku disebabkan wujud perbezaan dari aspek akal fikiran, seni kemahiran dan kemampuan untuk menguasai setiap cabang ilmu, perbezaan dalam pencapaian ilmu, perbezaan dalam penguasaan bahasa Arab, perbezaan penghujahan beberapa hukum dan sumbernya, serta perbezaan disebabkan percanggahan antara dalil (Mohammad Subki, T.t.).

Dapat disimpulkan bahawa keberadaan khilaf pada qiraat hanya tetumpu kepada satu faktor sahaja iaitu pada al-Quran yang bersifat tawqifi dari Allah SWT. Manakala khilaf pada fiqh dilihat berpunca dari kepelbagaian aspek yang terhasil dari dalam kalangan manusia yang mempunyai tahap keilmuan yang pasti berbeza antara satu dengan yang lain.

6.0 PENGARUH ILMU QIRAAT TERHADAP HUKUM FIQH

Setiap ilmu berperanan besar dalam menjadi penyumbang kepada pengajian Islam termasuk ilmu qiraat. Dalam urusan pengeluaran hukum fiqh atau istinbat hukum fiqh, disiplin ilmu qiraat memberi penjelasan terhadap hukum fiqh dengan lebih terperinci. Para fuqaha tidak sekadar bergantung dan bersumberkan semata-mata kepada qiraat yang mereka amalkan untuk menetapkan sesebuah hukum fiqh bahkan turut mengambil berat kepada perbincangan qiraat yang lain.

Menurut A'tarahim (2016) khilaf qiraat pada lafaz atau kalimah berkemampuan untuk mempengaruhi makna dan berkemungkinan mampu memperkuat lafaz antara satu sama lain. Kekuatan pengaruh khilaf qiraat dilihat semakin jelas jika dilakukan kajian pada ayat-ayat yang mempunyai khilaf tersebut dari aspek bahasa, penafsiran para ulama tafsir serta pandangan yang khilaf dari para alim fuqaha. Interaksi antara pelbagai disiplin ilmu tersebut seperti qiraat, bahasa (nahu dan saraf) dan fiqh menjelaskan bahawa para ilmuwan Islam menitikberatkan perbincangan khilaf qiraat dalam memahami dan seterusnya mengeluarkan hukum dari nas-nas al-Quran tersebut.

Segala bentuk khilaf qiraat yang mutawattir bahkan syadhdhah turut diambil kira oleh para ulama. Hal ini berkemungkinan disebabkan khilaf qiraat tersebut tidak terkeluar dari landasan atau disiplin ilmu bahasa Arab yang betul. Melalui sudut pandang pentafsiran, hal ini membantu untuk memahami dan mendalami ilmu al-Quran dengan lebih baik serta cenderung membantu menghasilkan pengeluaran hukum yang tepat (A'tarahim, 2016; Hapiz, 2019). Secara tidak langsung, hal ini mampu mempengaruhi aspek penentuan satu-satu hukum fiqh dalam kalangan fuqaha.

7.0 PERANAN QIRAAT MELUASKAN PEMAHAMAN AYAT-AYAT FIQH

Khilaf qiraat dilihat sangat mempengaruhi cabang ilmu fiqh. Hal ini dibuktikan dengan perkembangan cendekiawan ilmu fiqh dalam kalangan fuqaha. Ketika para fuqaha berada dalam proses untuk melakukan sebuah ijtihad, secara asasnya mereka terlebih dahulu akan mengistinbat suatu hukum fiqh dalam satu-satu isu permasalahan dari nas al-Quran dan turut menilai lafaz tersebut melalui sudut pandang yang pelbagai sebelum mengeluarkan satu-satu hukum untuk keperluan mazhab masing-masing. Penilaian tersebut seterusnya menghala kepada kajian terhadap kepelbagaian disiplin ilmu seperti bahasa Arab, nas-nas sokongan sebagai penguat hujah dan metod penafsiran yang pelbagai (A'tarhim, 2016).

Di samping itu, khilaf qiraat turut menjadikan al-Quran sebagai hujah yang jelas dan sangat kuat untuk dipegang dan diamalkan. Keadaan ini dibuktikan pada perbincangan fungsi lafaz qiraat yang menghimpunkan antara dua hukum yang berlainan seperti pada kalimah (واخذوا) yang berkaitan dengan permasalahan maqam Nabi Ibrahim AS. Khilaf qiraat berkemungkinan menjadi syarat terhadap sesebuah hukum yang disepakati seperti pada kalimah (يطهرن) yang berkaitan dengan permasalahan hukum haid bagi wanita. Khilaf qiraat turut berkemungkinan menjadi sumber asas kepada kepelbagaian pendapat serta ijtihad para ulama dalam mendepani isu-isu umum seperti pada kalimah (لستم).

Kebanyakan ayat al-Quran yang mempunyai khilaf qiraat menonjolkan ilmu qiraat sebagai sebuah ilmu yang sangat penting dan perlu terutama dalam menentukan sesuatu hukum. Bahkan, khilaf tersebut bukan bersifat menidakkan makna pada qiraat yang lain tetapi menghasilkan dalil yang kuat terutama untuk menerangkan dan membenarkan hukum yang lain diamalkan seterusnya memberi rukhsah kepada umat Islam untuk beribadah kepada Allah SWT dan mempraktikkan syariat Islam yang hakiki.

8.0 KESIMPULAN

Ilmu qiraat mampu mempengaruhi untuk mencorakkan disiplin ilmu yang lain. Ilmu yang berteraskan wahyu Allah SWT ini lazimnya mendapat perhatian khusus dalam kalangan sarjana Islam tidak mengira latar belakang mereka dalam bidang disiplin ilmu masing-masing. Para fuqaha terutamanya sangat menekankan berkaitan kepelbagaian khilaf qiraat untuk menentukan kaedah istinbat hukum yang paling tepat. Penentuan hukum tersebut tidak lain hanya untuk memudahkan umat Islam dalam mengamalkan syariah Islam seterusnya mendapat keredaan Allah SWT dalam kehidupan ini. Ilmu berkaitan qiraat dilihat sangat luas dan masih terdapat banyak yang belum diterokai serta memerlukan usaha para pengkaji untuk melihat hasilnya sehingga ke peringkat lebih tinggi. Penulisan ini diharap mampu memberikan sekurangnya penambahan kefahaman berkenaan ilmu Allah SWT yang sangat luas.

Sumbangan Pengarang

Shamsul Kamar, M. Z., Mohamad, M. R., Hasan, M. S. S. & Abdul Manaf, M. F., proses penulisan melibatkan pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa, dan penyuntingan draf akhir dilaksanakan dan keseluruhan penyediaan artikel disempurnakan secara kolektif oleh semua pihak yang terlibat.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

Al-Quran

- Abdul Muiz. (T.t.). *Khilaf Perselisihan Pandangan Dalam Agama*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn Bhd
- Abdul Rahman, M. S. & Myiddin, M. R. (T.t.). *Ensiklopedia Bidaah: Khilafiyah, Hujah, Syariah, Sejarah, Mazhab*. Selangor: PSN Publications Sdn Bhd
- al-Hamdani, J. (2015). *'Ulum al-Quran wa Atharaha fi al-Tafsir al-Fiqhi*. Iraq: Maktabah Amir
- al-Sabuni, M. A. (1991). *Studi Ilmu Al-Qur'an*. Bandung, Indonesia: CV Pustaka Setia
- Faizah, N. (2008). *Sejarah Al-Qur'an*. Jakarta Barat: CV Artha Rivera .
- Fathullah, M. (1996). *Pengantar Syariat Islamiyyah*. Kuala Lumpur: Syarikat Mezza
- Hasanuddin, A. (1995). *Perbedaan Qiraat dan Pengaruhnya Terhadap Istinbath Hukum Dalam al-Quran*. Jakarta, Indonesia: PT Raja Graafindo Persada
- Ibrahim, S. (2000). *Al-fiqh al-Wadiah ala mazhab al-Imam al-Shafi'i*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah
- Kadir, M. N. & Kasmuri, A. K. (2019). Relevansi Antara Ilmu Qiraat dan Fiqh Islami serta Punca Berlakunya Khilaf. *Jurnal Darul Quran*, 23. ISSN 2229-9130.
- Mahaiyadin, M. H. (2019). *Memahami Proses Istinbat Hukum Syarak*. Pulau Pinang: Excellent Resources
- Mohd A'tarahim. (2016). Qiraat Mutawattir dan Kesannya Kepada Hukum Fiqh: Kajian Pengetahuan dan Pendedahan dalam kalangan ilmuan Islam di Terengganu. *Tesis Doktor Falsafah*, Akademi Pengajian Islam, UM
- Mustafa al-Bugha, Mustofa al-Khin & Ali Al-Syarbaji. (2005). *Al-Fiqh al-Manhajī*, 1(6). Beirut: Dar al-Qalam
- Shamshul Kamar, M. Z., Mohamad, M. R. & Abdul Manaf, M. F. (2020). Sejarah Pembelajaran Ilmu Qiraat Di Darul Quran: Satu Pemerhatian. *Jurnal Qiraat*, 3(1), 28-36. IE-ISSN: 2636-9591 2020
- Wahbah al-Zuhayliy. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr